

2 menteri, 4 timbalan menteri baharu diumumkan

➔ Ahmad Husni letak jawatan, Noh Omar dilantik semula

BH 28/6

Oleh Magendran Rajagopal, Wan Faizal Ismayatim, Adha Ghazali, Shamsul Kamal Amarudin, Rohaniza Idris, Nazura Ngah, Mohd Anwar Patho Rohman dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Rombakan Kabinet semalam menyaksikan pelantikan dua menteri dan empat timbalan menteri baharu, manakala dua menteri serta dua timbalan menteri bertukar portfolio.

Rombakan itu juga menyaksikan dua kejutan, iaitu peletakan jawatan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah daripada kerajaan dan pelantikan semula Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar dalam kabinet.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika mengumumkan rombakan Kabinet itu di Perdana Putra, berkata Husni meminta untuk berundur atas sebab peribadi dan tempat beliau digantikan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani.

"Rombakan ini dibuat selaras perenggan (b) Fasal (2) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan mengenai pelantikan Menteri Persekutuan dan Fasal (1) Perkara 43A mengenai Pelantikan Timbalan Menteri Persekutuan. Yang di-Per-

tuan Agong sudah memperkenankan pelantikan berikut," katanya.

Noh yang pernah memegang jawatan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani serta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi sebelum ini, dilantik Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, menggantikan Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Abdul Rahman pula bertukar portfolio sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertanggungjawab terhadap Unit Perancang Ekonomi (EPU), menggantikan Tan Sri Abdul Wahid Omar, yang menamatkan perkhidmatan pada 4 Jun lalu.

Seorang lagi Menteri di JPM, Datuk Seri Mah Siew Keong, dilantik Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, menggantikan Datuk Seri Douglas Uggah Embas, yang meletak jawatan apabila dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri Sarawak selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak pada 7 Mei lalu.

Timbalan menteri baharu

Timbalan Menteri yang baharu dilantik ialah Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Othman Aziz, sebagai Timbalan Menteri Kewangan menggantikan Johari dan Ahli Parlimen Silam, Datuk Datu Nasrun Mansor, dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menggantikan Tan Sri Noriah Kasnon, yang terkorban dalam nahas helikopter di Sebuyau, Sarawak pada 5 Mei lalu.

Ahli Parlimen Lawas, Datuk Henry Sum Agong dilantik sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, menggantikan Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah yang dilantik Menteri Besar Kedah.

Speaker Dewan Undangan Ne-

geri Perak merangkap Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri SK Devarany pula ibarat sirih pulang ke gagang apabila kembali dilantik sebagai Timbalan Menteri di JPM.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong serta Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Lee Chee Leong bertukar portfolio.

Penyusunan semula tugas

Perdana Menteri turut memaklumkan akan ada penyusunan semula tugas menteri di bawah JPM dalam masa terdekat.

Pada sidang media sama, Najib berkata penyusunan semula Kabinet dibuat untuk memantapkan lagi pentadbiran kerajaan.

"Kita mahu memastikan agenda pembangunan ekonomi, kebajikan dan keselamatan untuk rakyat dapat terus berjalan dengan baik seperti yang dijanjikan," katanya.

Ditanya sama ada Kabinet baharu itu adalah barisan bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), Perdana Menteri berkata, ia bergantung bila PRU diadakan.


Ditanya sama ada PRU akan diadakan akhir tahun ini, Najib berkata: "Tidak ada sesiapa yang tahu. Saya pun tidak tahu lagi."

Mengenai peletakan jawatan Husni, Perdana Menteri berkata ia atas sebab peribadi.

"Husni memaklumkan mengenai hasratnya untuk menamatkan perkhidmatan dan Ahli Parlimen Tambun itu bersedia untuk bersara. Justeru, saya menghormati keputusannya. Saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti dicurahkan beliau selama ini," katanya.



Untuk video
layari www.bharian.com.my



Najib pada sidang media khas pengumuman rombakan Kabinet di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.



Rombakan ini dibuat selaras dengan perenggan (b) Fasal (2) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan mengenai pelantikan Menteri Persekutuan dan Fasal (1) Perkara 43A mengenai Pelantikan Timbalan Menteri Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong sudah memperkenankan pelantikan berikut

Najib Razak,
Perdana Menteri